

BAB

EMPAT

BAB 4

RUMUSAN DAN CADANGAN

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini penulis akan membentangkan beberapa kesimpulan dan dapatan kajian secara menyeluruh dan mengukur terhadap soalan soal-selidek yang dibuat di samping mengutarakan beberapa cadangan dan gagasan untuk mempertingkatkan lagi bidang pengetahuan dan pembelajaran bahasa Arab Komunikasi di kalangan pelajar, guru dan pihak yang berkenaan.

4.1 Rumusan

4.1.1 Analisis Kata Kerja Mabniy.

Semua kata kerja kala lampau dan kata kerja imperatif adalah mabniy manakala kata kerja kala kini kebanyakannya adalah fleksi kecuali apabila ianya bersambung dengan nuun niswaṭ (nuun jamak feminin) atau nuun tawkiid mubaasharat (nuun pengukuhan bersambung terus).

a) Kata Kerja Kala Lampau

Kata kerja kala lampau pada asasnya adalah dipakaikan tanda dengan baris fathat, kecuali di dalam beberapa keadaan:

- i) Apabila ia bersambung dengan ganti nama taa' (ت), naa' (ن), atau nuun niswaṭ (nuun jamak feminin) sebagai pelaku, maka ketika ini ia dipakaikan dengan tanda sukuun.
- ii) Apabila ia bersambung dengan ganti nama waaw jamak maskulin (وَأْنَّ) (الْجَمَاعَةُ) sebagai pelaku, maka ketika ini ia dipakaikan dengan tanda baris ḥammāṭ.
- iii) Sekiranya kata kerja tersebut adalah kata kerja 'illat yang akhirnya huruf alif maka ianya hendaklah dipakaikan dengan tanda baris fathat secara andaian (Muqaddar).

b) Kata Kerja Imperatif.

Kata kerja imperatif pada asasnya dipakaikan dengan tanda sukuun, kecuali di dalam beberapa keadaan:

- i) Sekiranya kata kerja tersebut berakhir dengan huruf 'illat, maka ia hendaklah dipakaikan tanda dengan pengguguran huruf 'illat.
- ii) Sekiranya kata kerja tersebut bersambung dengan alif (الفُ الْأَتِينُ) duaan, waaw jamak maskulin (وَأْنَّ الْجَمَاعَةُ) atau yaa' feminin (يَأْنَّ المُخَاطَبَةُ) maka ianya hendaklah dipakaikan tanda dengan pengguguran huruf nuun (حَذْفُ النُّونِ).

- iii) Sekiranya kata kerja tersebut bersambung dengan nuun tawkiid mubaasharaتَوْكِيد (nuun pengukuhan bersambung terus) sama ada berat (ثَقِيلَةٌ) atau ringan (خَفِيفَةٌ), maka ianya hendaklah dipakaikan tanda dengan baris fathat.

c) Kata Kerja Kala Kini.

Kata kerja kala kini pada asasnya adalah bersifat fleksi, kecuali dalam beberapa keadaan:

- i) Sekiranya kata kerja tersebut bersambung dengan nuun niswaنِسْوَى (nuun jamak feminin), maka ianya adalah mabniy dan hendaklah dipakaikan tanda dengan tanda sukuun.
- ii) Sekiranya kata kerja tersebut bersambung dengan nuun tawkiid mubaasharaتَوْكِيد (nuun pengukuhan bersambung terus) sama ada berat (ثَقِيلَةٌ) atau ringan (خَفِيفَةٌ), maka ianya adalah mabniy dan hendaklah dipakaikan tanda dengan baris fathat.

d) Hubungan Kata Kerja Mabniy Dengan Ganti Nama.

Semua kata kerja dalam bahasa Arab ada hubungkaitnya dengan ganti nama. Kata kerja kala lampau dihubungkaitkan dengan empat belas ganti nama, begitu juga dengan kata kerja kala kini. Manakala kata kerja imperatif pula dihubungkaitkan dengan enam ganti nama sahaja. Ganti nama tersebut adalah merupakan pelaku kepada kata kerja tersebut.

4.1.2 Analisis Hasil Kajian.

Kajian soal-selidek telah dibuat terhadap pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Selangor seramai 70 orang yang terdiri daripada 35 orang pelajar lelaki dan 35 orang pelajar perempuan. Pada keseluruhannya, kajian mendapati bahawa kebanyakan pelajar dapat menjawab dengan baik dalam bahagian kata kerja kala lampau (75.0%) dan kata kerja kala kini (81.79%) tetapi agak lemah dalam bahagian kata kerja imperatif (60.1%). Keadaan ini berlaku disebabkan terdapatnya pengguguran huruf nuun dan huruf 'illat dalam kata kerja imperatif apabila bersambung dengan pelaku duaan atau jamak ataupun kata kerja naaqiq yang banyak mengelirukan pelajar-pelajar.

Dari segi perbandingan jantina, pencapaian pelajar perempuan, secara keseluruhannya, lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki dalam bahagian kata kerja kala lampau dan kata kerja kala kini, tetapi dalam bahagian kata kerja imperatif pula pelajar lelaki dapat mengatasi pelajar perempuan. Ini terbukti bahawa pelajar perempuan dapat menjawab dengan betul sebanyak 75.23% bagi kata kerja kala lampau dan 82.85% bagi kata kerja kala kini berbanding dengan pelajar lelaki yang mendapat 75.75% dan 80.7% sahaja. Dalam bahagian kata kerja imperatif pula, pelajar lelaki dapat mengatasi pelajar perempuan dengan pencapaiannya 62.1% berbanding dengan pelajar perempuan yang hanya memperolehi 56.1% sahaja. Ini bermakna bahawa pelajar lelaki mengatasi pelajar perempuan sebanyak 7.0 %.

Mengenai kekuatan dan kelemahan pelajar didapati bahawa pelajar lelaki agak lemah dalam menjawab soalan bahagian kata kerja naaqiq (25.7 %) dan pelajar perempuan dalam bahagian kata kerja imperatif duaan (11.4 %). Dari segi kekuatan pula pelajar lelaki dapat menjawab dengan betul sebanyak (97.1 %) dan pelajar perempuan

pula sebanyak (94.3 %) dalam bahagian kata kerja kala kini yang bersambung dengan nuun niswaṭ. Manakala bahagian yang paling rendah dari segi pencapaian pelajar ialah dalam bahagian kata kerja imperatif duaan di mana pelajar lelaki hanya mampu menjawab dengan betul sebanyak 34.3 % dan pelajar perempuan hanya mampu mendapat 11.4 % sahaja.

Pendidikan di rumah khususnya mengenai kedudukan bapa sebagai penjaga utama seseorang pelajar memainkan peranan penting. Ini terbukti bahawa pelajar yang bapanya bekerja sebagai pegawai kerajaan memberikan kesan positif yang tinggi kepada pencapaian pelajar tersebut. Bapa yang menyedari tentang kepentingan pendidikan sudah tentu banyak memberikan nasihat, bimbingan dan perangsang kepada anak-anak mereka di samping sanggup berkorban diri dan harta benda demi kepentingan dan kejayaan anak-anak mereka pada hari muka.

Oleh itu, perhatian yang berat perlulah ditumpukan oleh guru-guru dalam pengajaran tatabahasa mengenai kata kerja imperatif duaan, penekanan juga perlu diberikan kepada kata kerja naaqiṣ, khususnya dalam kata kerja imperatif yang melibatkan pengguguran huruf ‘illat. Kepada para pendidik pula disarankan agar dapat memberikan pengajaran yang jelas bagi setiap kata kerja yang diajarkan kepada pelajar serta memberikan nota yang lengkap dan kemaskini serta bersesuaian dengan pelajar-pelajar. Pengajaran dan pembelajaran yang diberikan juga hendaklah disertai dengan bahan bantu mengajar untuk mewujudkan kepelbagaiannya dalam teknik pengajaran dan pembelajaran yang menarik.

4.2 Cadangan.

- a) Perkembangan pendidikan di zaman global ini sangat memerlukan informasi yang luas dan terkini. Oleh itu, penulis mengharapkan teknik aplikasi tatabahasa bahasa Arab dengan contoh ayat-ayat daripada al-Qur'an yang sering dibaca dan menjadi amalan yang berbudaya ini perlu digunakan oleh pendidik-pendidik dalam menerapkan disiplin ilmu tatabahasa bahasa Arab kepada pelajar-pelajar, agar usaha ini menyumbang kepada pelajar sesuatu ilmu yang memudahkan mereka memahami bahasa Arab.
- b) Memandangkan hasil kajian yang kurang memberangsangkan, maka soal-selidek berhubung dengan kefahaman disiplin tatabahasa bahasa Arab, dicadangkan supaya diadakan kursus secara profesional kepada guru-guru bahasa Arab dan pelatih KPLI tentang disiplin tatabahasa bahasa Arab dan teknik-teknik yang terkini dan serentak dengan itu perlu ditingkatkan lagi kemahiran mereka yang sedia ada bagi meyakinkan diri mereka menghadapi pelbagai halangan untuk mewujudkan suasana keakraban dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta meninggikan prestasi bahasa Arab di sekolah-sekolah.
- c) Bahasa Arab Pasar tidak mungkin mampu menggugat kedudukan bahasa Arab Fasih atau mengambil tempatnya. Bahasa Arab Fasih adalah terpelihara selagi al-Qur'an dan khazanah tamadun Arab Islam itu sendiri terpelihara. Oleh itu, guru bahasa Arab perlu mengajar bahasa Arab dengan bentuknya yang fasih tanpa dicemari dengan unsur-unsur bahasa pasar.

d) Penggunaan media komunikasi bagi membantu mewujudkan pembelajaran bahasa Arab yang menyeronokkan seperti penggunaan ICT, internet dan VCD bahasa Arab dapat diaplikasikan oleh guru-guru, di samping mewujudkan persekitaran bahasa Arab melalui aktiviti perhimpunan pagi, syarahan bahasa Arab, poster dan minggu bahasa Arab.

e) Guru tidak seharusnya cepat/kerap memintas pengucapan pelajar yang sedang cuba bertutur dalam bahasa Arab untuk tujuan membetulkan kesalahan tatabahasa. Kekerapan membetulkan kesalahan sama ada pengucapan atau tulisan akan menyebabkan timbul perasaan malu kepada pelajar kerana menonjolkan kelemahan serta kemampuannya. Oleh itu, aspek psikologi perlu diambil kira dengan cara guru menggunakan pelbagai cara untuk mendekati situasi tersebut.

f) Pelajar telah menggunakan tulisan Jawi sejak awal persekolahan lagi. Oleh kerana tulisan Jawi berasal daripada huruf Arab dengan beberapa adaptasi dalam bahasa Melayu maka ia secara tidak langsung banyak membantu proses pengajaran tulisan Arab. Oleh itu, pengajaran tulisan Jawi perlu diperkuatkan sejak dari peringkat sekolah rendah lagi.

4.3 Penutup.

Pembelajaran bahasa Arab Komunikasi telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1991. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab memberikan penekanan matlamatnya kepada memahami asas al-Qur'an dan al-Sunnah. Selari dengan matlamat itulah maka penekanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab diberikan kepada penguasaan ilmu nahu (Sintaksis) dan ilmu Saraf (Morfologi),

Begitu juga kurikulum dan buku teks bahasa Arab perlu disediakan agar serasi dengan objektifnya, iaitu mencerminkan pendidikan Islam, dan menampilkan kemurnian Islam untuk dihayati. Pakar-pakar pendidikan Islam bahasa Arab sering mengingatkan tentang perlunya ada hubungan dan kesesuaian antara kurikulum bahasa Arab dengan pendidikan Islam dan tidak boleh sama sekali ada percanggahan antara keduanya (Ahmad Ismail dan rakan-rakan dalam prosiding Pendidikan Islam I : 2002).

Adalah menjadi tanggungjawab semua, agar bahasa Arab Komunikasi menjurus kepada pendidikan nilai Islam dan nilai murni. Sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara dan juga objektif matapelajaran ini sendiri dengan mengambil kira era globalisasi yang mensejagati kehidupan manusia.

Untuk merealisasikan cita-cita murni bahasa ini dan mencapai tahap yang memuaskan, maka perlulah semua pihak mengambil tanggungjawab menangani permasalahan kelemahan penguasaan bahasa Arab dengan hati yang terbuka dan ikhlas. Kemajuan umat Islam masa kini tidak akan mantap dan relevan tanpa penghayatan yang sejati tehadap Islam yang didasari oleh sumber al-Qur'an dan al-Sunnah. Sumber yang menggunakan bahasa Arab sebagai media utama yang perlu dipelajari dengan penuh rasa tanggung jawab dan bersungguh-sungguh, bahkan ia adalah bahasa umat Islam yang diiktiraf oleh Allah di dunia dan akhirat.